

BULETIN BTM INSTUN MEI 2022

INFORMATION SECURITY: PENETRATION TESTING AND ETHICAL HACKING (ASAS) - TM05/22

Tajuk : INFORMATION SECURITY: PENETRATION TESTING AND ETHICAL HACKING (ASAS) - TM05/22

Tarikh : 24 sehingga 27 Mei 2022 (Selasa - Jumaat)

Lokasi : Pusat Kecemerlangan TM2

Penglibatan : 19 orang peserta

Ringkasan Program :

Kursus Information Security: Penetration Testing And Ethical Hacking (Asas) - TM05/22 merupakan salah satu kursus anjuran Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2022 di bawah kategori Keselamatan ICT. Kursus ini adalah diantara kursus pertama dianjurkan secara bersemuka oleh Bahagian ini selepas penularan wabak Covid-19.

Kursus ini diterajui oleh empat orang penceramah dimana tiga daripada mereka adalah kakitangan Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN iaitu Ts. Aiesa Bin Saad, Pn. Haryanti Binti Dahalan dan En. Adzrizal Bin Adnan. Manakala seorang lagi penceramah telah dijemput daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu Ts. Mohd Suffian Bin Ahmad.

Seramai 19 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan telah menghadiri kursus ini. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat mempelajari bagaimana ujian penembusan dilakukan secara teratur bagi memastikan pengurusan keselamatan rangkaian yang lebih konsisten. Selain itu juga, peserta dapat mempelajari bagaimana ancaman baru diketahui melalui penemuan kelemahan yang berpotensi diserang oleh ancaman luar.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada ke empat-empat penceramah bagi kursus ini, urus setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.

Gambar Sepanjang Kursus Berlangsung :



Peserta kursus bergambar bersama penceramah dan urus setia kursus TM05/22



Penceramah sedang memberi tunjuk ajar kepada peserta kursus



Gambar sewaktu sesi pembelajaran berlangsung



Peserta terbaik kuiz *kahoot* menerima cendera hati daripada penceramah



Wakil peserta (Penghulu) memberi cenderahati kepada penceramah dan urus setia